

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/05/2008

Surat 4

SAYA harap semua ahli UMNO bertenang dan sedikitpun tidak goyah dengan pengumuman Tun Dr. Mahathir Mohamad melepaskan keahlian dalam UMNO.

Itu keputusan beliau. Komen apa sekalipun tidak berguna kerana keputusan telah dibuat. Tetapi yang penting ialah UMNO mesti terus bertahan dalam menghadapi cabaran semasa.

Pada saya, UMNO lebih penting daripada sesiapa sahaja dan mana-mana pemimpin sekalipun.

Inilah masa kita bersatu di bawah kepimpinan yang ada. Namun janganlah kita menempelak Dr. Mahathir kerana jika itu caranya, suatu hari nanti kita juga akan ditempelak.

Ini bukan masa untuk pemimpin UMNO tunjuk keangkuhan apatah lagi kepada negarawan yang banyak berjasa.

ZAMANI ZAMAN
Kuantan.